

Faks : 237605

Tel : 088 - 252692

Bil : KEW(S)100-44/33 (1)

Tarikh : Januari 2004



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

"SEGERA"

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Pegawai Daerah

Datuk/Tuan/Puan

SENARAI PEROLEHAN TENDER PEMBIAYAAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2003

Dengan segala hormatnya, perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian in sedang mengemaskini data-data perolehan tender yang dilaksanakan oleh semua Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawah jagaanya dan Pejabat-Pejabat Daerah bagi tahun 2003. Tujuan utama data-data ini ialah untuk penyediaan Laporan Tahunan Kerajaan dan perancangan budget.

3. Saya ingin menarik perhatian Datuk/Tuan/Puan melalui pengalaman yang lepas terdapat beberapa Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah yang kurang memberikan kerjasama mengemukakan maklumat-maklumat yang dikehendaki. Keadaan ini telah menjejaskan penyediaan Laporan Tahunan dan aktiviti perolehan Kerajaan.

4. Sehubungan dengan ini, pihak Datuk/Tuan/Puan dikehendaki menyenaraikan perolehan tender yang diuruskan melalui tatacara berikut:-

3.1. Tender Terbuka (Format A)

3.2. Tender Khas kepada Syarikat Bumiputra (Format B)

dengan melengkapkan Format A dan Format B yang di Lampirkan dan kemukakan ke Kementerian ini pada atau sebelum 02 Mac 2004.

2/...

4. Bagi memastikan kepentingan laporan ini, Kementerian Kewangan Sabah hanya akan menerima laporan melalui Kementerian dan Pejabat Daerah masing-masing. **Setiausaha Lembaga Tawaran** adalah bertanggungjawab untuk mengumpul, mendapatkan maklumat yang tepat dan mengemukakan laporan masing-masing.

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi **Tuan Hj. Mohd. Yaakub Hj. Lampoh** nombor talipon 088-250413 atau 251520 sambungan 2221 dan **Encik Bat Ambas** nombor talipon 088-238963 atau 088-251511 sambungan 2228.

6. Kerjasama Datuk/Tuan/Puan memberikan data-data seperti yang dikehendaki amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN
BERSIH, CEKAP DAN AMANAH "**



(DATUK HJ. S. ABDILLAH S. HASSAN J.P)
Setiausaha Tetap

s.k. Pengarah,
Unit Pengesanan Projek,
Tingkat 9, Blok B,
Wisma MUIS,
88999 KOTA KINABALU.

**SENARAI PEROLEHAN
YANG DIURUSKAN MELALUI TENDER TERBUKA
BAGI TAHUN 2003**

**KEMENTERIAN:
JABATAN:
PEJABAT DAERAH:**

BILANGAN PROJEK MELALUI TENDER	JABATAN PELAKSANA	NAMA KONTRAKTOR /PEMILIK	KELAS/BIDANG PENDAFTARAN		*STATUS SYARIKAT BUMIPUTRA/ BUKAN BUMIPUTRA	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH STAP		CATATAN
			PUKONSA	PKK			MULAI	STAP	

FORMA B

SENARAI PEROLEHAN
YANG DIURUSKAN MELALUI TENDER
YANG DIKHAISKAN KEPADA BUMIPUTRA
BAGI TAHUN 2003

KEMENTERIAN
PEJABAT DAERAH:

BIL	NAMA PROJEK	JABATAN PELAKSANA	NAMA KONTRAKTOR /PEMILIK	KELAS/BIDANG PENDAFTARAN		RUJUKAN SIJIL BUMIPUTERA	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH SIAP		CATATAN
				PUKONSA	PKK			MULAI	SIAP	

Faks : 237605
Tel : 252692
Bil : KEW(S):100-4/1 Klt.3/1(1)
Tarikh : 19 Disember, 2003



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri ✓
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Pengerusi Majlis Daerah

Y.B. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 2 TAHUN 2004

**HAD KEWANGAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR KERJA BAGI
KERJA-KERJA KEJURUTERAAN AWAM, BANGUNAN DAN MEKANIKAL**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memberitahu semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Negeri, mengenai penetapan had kewangan yang baru oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja kejuruteraan awam, bangunan dan mekanikal.

2. HAD KEWANGAN YANG BARU

- 2.1. Had kewangan baru yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

...2/-

<u>Kelas Pendaftaran</u>	<u>Had Kelayakan Menender</u>
A	RM5,000,001 ke atas
B	RM2,000,001 hingga RM5 juta
C	RM750,001 hingga RM2 juta
D	RM350,001 hingga RM750,000
E	RM150,001 hingga RM350,000
F	RM150,000 ke bawah

- 2.2. Selaras dengan penetapan had kewangan di atas, kontraktor-kontraktor yang berdaftar dalam Kelas BX dibenarkan melaksana projek-projek yang dihadkan untuk Kelas B dan Kelas EX pula dibenarkan melaksana projek-projek yang dihadkan untuk Kelas E.

3. KUATKUASA

- 3.1. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta dan seterusnya membatalkan Surat Pekeliling Bil: 1 (S & K) Tahun 1993 bertarikh 21 Januari 1993.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



(DATUK HJ. S. ABDILLAH S. HASSAN, J.P.)
SETIAUSAHA TETAP.